

10/03/1997

Mewujudkan sebuah masyarakat bersih

Sut

'BERSIH, cekap dan amanah' adalah salah satu dasar penting yang dianjurkan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad beberapa tahun lalu. Pada mula dilancarkan, pelbagai pihak menyambut baik dasar itu dan kita melihat publisitinya begitu hebat. Tetapi apabila hari bertukar minggu dan bulan bertukar tahun, dalam pemerhatian kita publisiti terhadap dasar itu semakin berkurang dan dingin.

Tetapi rupanya secara diam-diam pelaksanaan dasar itu tidak demikian. Hal ini jelas apabila Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 17 anggotanya kerana salah laku - jelas bukti betapa polis begitu serius membanteras kes penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai dan anggotanya.

Sememangnya tindakan yang diambil ke atas anggota terbabit memang wajar dan tidak saja penting bagi memulihkan imej dan citra serta kewibawaan pasukan keselamatan negara, tetapi lebih penting ialah keselamatan negara akan lebih terjamin kerana dengan tindakan itu seperti kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, 'kita tidak mahu pagar makan padi'.

Sesungguhnya sebuah masyarakat bersih, cekap dan amanah tidak akan wujud begitu saja jika semua pihak tidak menjalankan fungsi masing-masing. Tambahan pula jika masyarakat tidak mempunyai keyakinan tinggi terhadap pasukan keselamatan. Namun demikian kita mengharapkan tindakan sedemikian tidak saja diambil kepada anggota yang berpangkat rendah. Tindakan serius bagi mewujudkan sebuah masyarakat bersih mestilah meliputi semua peringkat, tanpa mengira taraf dan kedudukan seseorang penjawat itu.

Bahaya akibat 'pagar makan padi' sebagaimana yang disebutkan oleh Megat Junid itu amat jelas kerana terbukti dalam sejarah. Melaka tidak mungkin kalah jika orang Melaka sendiri tidak bekerjasama atau memberikan maklumat yang diperlukan kepada pihak Portugis dalam sejarah Melaka sebagaimana yang tercatat dalam Sejarah Melayu.

Tetapi sebuah masyarakat yang bersih tidak mungkin wujud jika hanya pihak polis saja yang bersih. Pihak lain juga mestilah bersih. Dan ini tentulah membabitkan semua individu, institusi dan organisasi dalam sesebuah masyarakat itu.

Apabila polis mengambil tindakan terhadap anggotanya yang salah guna kuasa, ini tidak bermakna organisasi lain selain PDRM tidak terjadi salah guna kuasa. Bagaimana dengan kejadian itu? Apakah hendak dibiarkan begitu saja.

Kita fikir semua organisasi, sama ada awam atau swasta haruslah membersihkan dirinya supaya tidak wujud lagi salah guna kuasa kerana dengan wujudnya salah guna kuasa, bukan saja banyak dasar kerajaan tidak berjalan baik daitutersebut, malahan kesannya kepada masyarakat umum juga besar. Selari dengan itu juga berlakulah yang hak tidak memperoleh haknya kerana diambil oleh pihak lain yang pandai menyalahgunakan kuasa.

Sesungguhnya keadilan dalam masyarakat adalah salah satu aspek yang amat penting dijaga. Penyalahgunaan kuasa akan menyebabkan timbulnya ketidakadilan dalam masyarakat dan ini lama kelamaan membuahkan hal yang boleh merosakkan masyarakat, negara dan bangsa.

Jika pihak polis mengambil tindakan terhadap yang salah guna kuasa terhadap anggotanya yang melakukan hal itu siapakah pula yang akan mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan kuasa dalam jabatan lain. Apakah pihak polis juga yang terpaksa mengambilnya ataupun ketua jabatan yang berlakunya penyalahgunaan kuasa itu patut mengambil tindakannya?

Ataukah kita hendak mengharapkan hanya kepada pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) saja mengambil tindakan?

Sekali lagi diperlukan iltizam tinggi kepada seseorang yang dilantik dan diberi tanggungjawab mengetuai sesuatu organisasi untuk membersihkan organisasinya daripada sebarang penyalahgunaan kuasa dalam organisasinya.

Mereka yang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu dan gagal melaksanakan tanggungjawabnya disebabkan ketidakupayaannya membendung dan membersihkan organisasi di bawah kepemimpinannya daripada pelbagai penyalahgunaan kuasa seharusnya juga dihukum dengan sewajarnya.

Tentulah tidak adil dan zalim apabila yang di bawah saja dikenakan tindakan apabila melakukan sesuatu salah guna kuasa, sedangkan yang di atas tidak diambil tindakan yang sewajarnya apabila mereka itu gagal melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya kerana mereka melakukan salah guna kuasa.

(END)